

PM Saran Profesor Bantu Kerajaan

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 10 Julai 2011 10:08

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

10 JULAI 2011/ 8 SYAABAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Mustakim Ramli

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil dan Muhammad Shamsul Shafie

PM SARAN PROFESOR BANTU KERAJAAN

UUM ONLINE: Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak menyaran golongan profesor untuk sama-sama membantu kerajaan dalam Agenda Transformasi Negara kerana beliau yakin dengan kemampuan yang dimiliki oleh golongan intelektual tersebut dalam membangunkan kemajuan di negara ini.

"Sebagai golongan intelektual sudah tentu kalangan profesor mempunyai kemahiran serta kepakaran terutama dari segi ilmu pengetahuan, sama ada dalam konteks memajukan negara mahu pun keupayaan mengubah minda rakyat.

"Sehubungan itu, saya menyeru semua profesor untuk menyahut cabaran dan menerajui usaha bersama-sama kerajaan dalam mentransformasikan pengetahuan," katanya pada majlis perasmian Kongres Profesor Negara, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Perdana Menteri juga berkata, idea kerajaan dalam menubuhkan Majlis Profesor Negara (MPN), adalah bukti komitmen kerajaan dalam melibatkan golongan cerdik pandai dalam konteks pembangunan serta menyedari kepentingan ilmu pengetahuan dalam membentuk masa depan negara.

Di majlis tersebut juga, beliau menyentuh elemen kreativiti dan inovasi sebagai komponen utama dalam strategi pembangunan yang melibatkan peranan golongan akademik khususnya profesor.

"Golongan profesor mempunyai tahap keilmuan tinggi serta tajam dan kerajaan amat memerlukan sumbangan mereka dalam memacu serta menjana potensi negara, dan saya berkeyakinan penuh bahawa MPN mampu menterjemahkannya," tambahnya lagi.

Beliau juga berkata, dengan pengetahuan dan pemikiran yang tinggi dimiliki oleh kalangan cendekiawan, ia bukan setakat untuk mencurahkan idea tetapi turut menjadi pelaksanaan dalam pembangunan negara.

SEKSYEN MEDIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my